



# 1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab..

Muhammad Yusuf Bin Ahmad, seberang daerah Alor Setar,

bertanya: Bagaimana hukumnya membangunkan sebuah masjid yang dijalankan dengan mengutip zakat tiap-tiap orang yang membuat bendang dan beberapa pertanyaan mengenai pungutan itu dengan tidak jalan amil atau seumpamanya.

Jawab: Bahawa perkara zakat itu ditentukan (1) orang fakir, (2) orang miskin, (3) amil pemungut zakat, (4) orang baru masuk Islam (mualaf), (5) hamba yang hendak memerdekaan dirinya, (6) orang yang berhutang, (7) *Fi sabilillah* (untuk kepentingan jihad), (8) musafir yang keputusan belanja. Menurut pendapat sebahagian ulama wang-wang zakat itu hendaklah diutamakan lebih dahulu untuk melepaskan kefakiran seseorang daripada yang lainnya dan ada pula yang berpendapat bahawa mendirikan sekolah dan seumpamanya termasuk juga masjid boleh diambil dari bahagian *fi sabilillah*. Dengan ini terjawablah soal-soal itu tetapi hendaklah diingat bahawa pada zaman Rasulullah yang lebih diutamakan ialah memberi atau membantu fakir miskin daripada yang lain-lain.

\*

\*

\*

N.S. Al- Bakri, Bakri Muar, Johor

bertanya: Seorang yang melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Malaya itu adakah dengan perbelanjaannya sendiri atau dengan bantuan kerajaan? Dan berapa belanjanya sebulan serta apakah kelulusan yang dikehendaki?

Jawab: Banyak daripada murid-murid itu berbelanja sendiri dan ada juga yang mendapat bantuan

(scholarship) daripada kerajaan. Tentang belanja dan kelulusannya moleklah saudara berutus kepada setiausaha kolej yang sudah tentu dengan senang hati Tuan setiausaha itu akan menjawab pertanyaan-pertanyaan saudara. Alamatnya tentu saudara tahu iaitu: Setiausaha Kolej Islam Malaya, Klang Selangor.

\* \* \*

Ibnu Burhanuddin Ali, Batu 5 Klang Gate Road,

Kuala Lumpur bertanya: Apakah hukumnya di sisi agama, seorang Islam yang menggunakan sejenis ubat untuk menyekat beranak; dan bagaimana pula jika seseorang Islam yang tak suka beranak itu sanggup membalikkan sesuatu dari anggota peranakkan dengan pertolongan seorang bidan?

Jawab: Pada dasarnya Islam tidak menegah menjarakkan beranak dan ikhtiar untuk itu boleh didapat dengan panduan doktor-doktor yang mahir. Tetapi agama Islam menegah dengan keras merosakkan peranakkan atau memotong tempat beranak dan seumpamanya. Agama Islam juga menegah dengan keras bagi seseorang yang tahu ia hamil lalu menggugurkan anaknya apalagi anak itu telah cukup berumur 4 bulan 10 hari di dalam perut ibunya maka sifatnya dipandang sama dengan membunuh. Terang bahawa menjarakkan beranak dengan cara yang tidak merosakkan kesihatan dan tempat peranakkan tidak ditegah, dan – diharamkan menggugurkan anak atau merosakkan tempat beranak.

\* \* \*

Kadibus Adil, Kuala Terengganu, bertanya:

Memberi markah peperiksaan pada kertas jawapan dengan jalan tipu apakah hukumnya pada sisi agama Islam? Dan bolehkah orang yang melakukan perkara itu didakwa

menurut undang-undang negeri?

Jawab: Islam menyuruh seseorang berlaku adil kepada dirinya sendiri dan menegah untuk melakukan penipuan sama ada undang-undang agama atau negeri perkara penipuan itu adalah salah. Tentang bolehkah ia dihukum atau didakwa menurut undang-undang negeri maka itu bergantung kepada keadaan dan sebaik-baiknya saudara lihatlah pada sisi undang-undang negeri yang mudah saudara mendapatnya menerusi jabatan-jabatan kerajaan.

\* \* \*

H. S. Ramli (Ikhwan 1720) 195 Sungai

Semambu, Bukit Mertajam bertanya: Adakah kitab al-Tauhid Karangan Kiayi Hassan bin Ahmad yang telah diharamkan oleh Mufti Kerajaan Johor dahulu dan sekarang boleh saya beramal dengan kitab ini dan adakah menjadi suatu kesalahan di dalam hukum agama?

Jawab: Sepanjang yang kami ketahui bahawa karangan kitab itu diasaskan kepada al-Quran dan al-Hadis serta ijmak sahabat. Sekiranya ada di dalamnya yang menyalahi daripada itu maka janganlah saudara beramal daripadanya kerana asas hukum Islam itu adalah semata-mata kepada yang tersebut sedang Rasulullah (SAW) memberi peringatan bahawa kita tidak akan sesat selagi kita beramal dan berpandu kepada kitab Allah dan sunah Rasulnya. Dengan ini terang bahawa sepanjang yang ada tidak ada salahnya saudara beramal dan jika orang yang mengharamkan itu ada maka silalah beri hujah-hujahnya mengikut al-Quran dan al-Hadis untuk membetulkan apa yang telah ditulis oleh beliau itu.

\* \* \*

## KETERANGAN GAMBAR

### KULIT BELAKANG

Pada 25 Disember 1956 yang lalu, dengan

hidayah Allah ‘Azza wa Jalla dan taufiknya, 12 orang dari kaum Cina telah berbahagia memeluk agama Islam di Pekan Jinjang, sebuah pekan baharu berhampiran dengan bandar Kuala Lumpur.

Meraka memeluk Islam ialah dengan usaha

saudara Khalil yang telah memeluk Islam setahun dahulu, ( dalam gambar kelihatan bersongkok hitam dan berdiri di belakang Tuan Haji Fatah Akhir).

Tuan Haji Fatah Akhir telah mengajar mereka

kalimah syahadah dalam suatu majlis yang dihadiri oleh Raja Osman Bin Raja Ali, penyelia masjid-masjid dalam negeri Selangor dan ahli-ahli jawatankuasa masjid Pekan Batu, Kuala Lumpur. Perkara memberi pelajaran kepada Saudara-saudara kita yang baharu ini, diserahkan Kepada jawatankuasa qariah masjid Pekan Batu.

Suatu jamuan teh bagi meraikan

mereka telah diadakan pada 30 Disember 1956 di Sekolah Melayu Batu, dengan dihadiri lebih daripada 300 orang lelaki dan perempuan.

Keterangan gambar, dari kiri: Yunus,

Muhammad, Idris, Yahya, Sulaiman, Harun, Haji Fatah Akhir, Abu Bakar, Ismail, Yaakob, Ali, Ahmad dan Ibrahim.